

- 1 Pada 1 Jun 2007, Encik Muniandy memulakan perniagaan Fotokopi Trading, di Kuantan, Pahang sebagai pembekal pelbagai mesin fotostat. Beliau memulakan perniagaan dengan modal RM44 000 yang terdiri dari tunai di bank RM29 000, tunai ditangan RM1 000 dan Lengkapan RM14 000.

Sepanjang bulan Jun 2007, urusan yang dijalankan ditunjukkan oleh dokumen perniagaan dalam **LAMPIRAN A**.

**Anda dikehendaki:**

- a ) Menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai  
( Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima )  
[ 10 ½ markah]
- b ) Memindahkan catatan dalam lejar yang berkaitan.  
[ 11 ½ markah]
- c ) Menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2007  
[ 7 markah ]

- 2 Puan Mazlah pemilik Toko Ubat Mujarab yang menjalankan perniagaan di Bandar Jengka, Pahang Darul Makmur.

Baki-baki berikut diambil dari buku-buku perniagaan pada 31 Ogos 2007.

	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	35 000	
Stok 1 September 2006	15 100	
Belian dan Jualan	42 880	70 510
Pulangan		140
Sewa	3 600	
Kadar bayaran	1 110	
Penghutang dan Pemiutang	2 300	1 700
Diskaun		210
Angkutan masuk	140	
Gaji	5 200	
Insurans	540	
Peruntukan hutang ragu		100
Tunai	130	
Bank	6 580	
Ambilan	80	
Modal 1 September 2006		40 000
	112 660	112 660

**Maklumat tambahan :**

- (i.) Stok pada 31 Ogos 2007 berjumlah RM5 440
- (i.) Insurans terdahulu RM90.
- (ii.) Belian barangniaga secara kredit RM300 tertinggal rekod.
- (iii.) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% daripada penghutang
- (iv.) Kenderaan yang dibeli pada 1 Disember 2006 disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2007 [11 markah]
- b) Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2007

[ 8 markah]

- 3 Perkongsian Mutiara Hati dimiliki oleh Reeka dan Marsha yang menjalankan perniagaan dibandar Raub. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2:1.

Pada 31 Mac 2007, mereka mengambil keputusan untuk membubarkan perkongsian kerana Pn Reeka ingin berhijrah ke luar negara. Berikut adalah kedudukan kewangan Perkongsian Mutiara Hati pada tarikh tersebut:

	RM
Kenderaan	52 000
Perabot	18 200
Penghutang	8 650
Stok	12 000
Bank	4 000
Modal Reena	55 000
Modal Marsha	35 000
Pemiutang	4 850

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pn. Reena mengambil alih kenderaan dengan nilai RM24 000.
- (ii) Penghutang telah membayar RM8 000 dan bakinya dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (iii) Aset-aset lain dijual dengan tunai pada harga RM21 500.
- (iv) Perbelanjaan realisasi berjumlah RM300.
- (v) Pemiutang dijelaskan sepenuhnya setelah mendapat diskaun RM 150
- (vi) Semua urusan niaga pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

**Sediakan:**

- (a) Akaun Realisasi [ 6 markah ]
- (b) Akaun Modal setiap pekongsi [ 4 markah ]

- 4 En Razif, seorang peniaga menyimpan rekod tidak mengikut sistem catatan bergu. Modal pada 1 Julai 2006 ialah RM 36 907. Berikut merupakan baki-baki aset dan liabiliti pada 30 Jun 2007:-

	RM
Kenderaan	28 000
Lengkapan ( Kos )	4 000
Stok	7 660
Tunai di tangan	420
Tunai di bank	9 032
Penghutang	3 900
Pemiutang	5 600
Kadar bayaran terakru	232

**Maklumat tambahan : -**

- (i.) Seorang penghutang telah diisytihar muflis dan hutangnya sebanyak RM 200 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (ii.) Beliau telah mengeluarkan RM 500 daripada akaun bank perniagaannya dan stok RM 350 untuk kegunaan keluarganya.
- (iii.) Kenderaan disusutnilaikan 20 % setahun atas kos.
- (iv.) En Razif juga telah membawa masuk almari RM 300 dan rak pameran RM 1 200 dari rumahnya untuk kegunaan perniagaan.

**Anda dikehendaki menyediakan :-**

- ( a ) Penyata menghitung modal pada 30 Jun 2007 ( 6 ½ markah )
- ( b ) Penyata menghitung untung rugi pada 30 Jun 2007 ( 3 ½ markah )

**Bahagian B**

[12 markah]

*Jawab satu soalan sahaja*

5 Cik Laila mengusahakan Pusat Tuisyen Hikmah beroperasi di Temerloh Pahang. Berikut adalah anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 31 Julai 2007

- (i.) Baki tunai 1 Mei 2007 ialah RM3 500
- (ii.) Pada bulan Mei, terdapat seramai 90 orang murid. Semua murid dijangka membayar yuran awal setiap bulan yang berjumlah RM 3 600
- (iii.) Pendaftaran murid baru berjumlah 30 orang pada bulan Jun. Yuran bulanan ditetapkan RM40 seorang. Bayaran pendaftaran dikenakan pada kadar RM10 seorang.
- (iv.) Tiada pertambahan murid dijangka berlaku pada bulan Julai dan bulan-bulan seterusnya.
- (v.) Gaji sebanyak RM 3 100 sebulan dibayar pada akhir setiap bulan.
- (vi.) Kadar bayaran RM200 sebulan Perbelanjaan ini dijangka bertambah 10% berbanding dengan bulan sebelumnya.
- (vii.) Perniagaan bercadang membeli sebuah mesin fotostat berharga RM5 000. Bayaran deposit dibuat pada bulan Mei sebanyak RM3 000 manakala bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

Sediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2007

(12 markah)

6. Kelab Futsal Inderapura telah ditubuhkan sejak dua tahun lepas di Bandar Jerantut. Kelab ini aktif mengelolakan permainan futsal kepada golongan belia. Kelab ini juga membuka sebuah kafetaria.

Maklumat berikut diambil dari buku kelab pada 1 September 2006.

Bank	RM	14 225
Bangunan		150 000
Pemiutang		2 540
Stok		2 600
Yuran ahli terdahulu		400

Berikut merupakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran kelab pada 31 Ogos 2007:

Kelab Futsal Inderapura			
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2007			
	RM		RM
Baki b/b	14 225	Belian	11 110
Yuran ahli	11 800	Pemiutang	4 600
Yuran pendaftaran	500	Belanja pertandingan futsal	4 200
Jualan	25 230	Piala dan hadiah	2 100
Derma bina gelanggang	20 000	Penyelenggaraan	1 400
Kutipan pertandingan futsal	6 000	Upah pekerja kedai	4 800
		Baki h/b	54 145
	77 755		77 755

**Maklumat tambahan :**

- (i) Stok pada 31 Ogos 2007 bernilai RM2 150
- (ii) Yuran ahli tertunggak RM700 pada akhir tempoh perakaunan
- (iii) Bangunan disusutnilaikan 5% setahun mengikut kaedah garis lurus.

**Sediakan :**

- (a) Akaun Perdagangan Kedai Alatan Sukan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2007  
[5 markah ]
- (b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2007  
[7 markah ]

---

---

**DOKUMEN PERNIAGAAN**

---


---

## KERATAN CEK

**KWONG YIK BANK BERHAD**

Cawangan Kuantan

*Tarikh* : 02/06/2007  
*Penerima* : **Encik Sallehuddin**  
*Tujuan* : Sewa kedai bulan Jun 2007




	RINGGIT	SEN
<i>Baki akhir</i>	29000	00
<i>Simpanan</i>	.-	.
<i>Jumlah</i>	29000	00
<i>Cek ini</i>	1500	00
<i>Baki</i>	27500	00

336601

Dokumen 1




<b>BIL TUNAI</b>		Asal		
		<b>PERABOT KAYU SDN BHD</b> <i>121, Jalan Gambut</i> <i>25000 Kuantan, Pahang</i>		
<i>Kepada</i>				
<b>FOTOKOPI TRADING</b>				
<i>B10, Jalan Gambut</i>		<i>No : 11001</i>		
<i>25000 Kuantan, Pahang</i>		<i>Tarikh : 05/06/2007</i>		
<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Hg seunit</i>	<i>Jumlah</i>	
1	Almari fail	580.00	580.00	
<b>JUMLAH</b>			<b>580.00</b>	
<i>(Ringgit: Lima ratus lapan puluh sahaja)</i>				
<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="text-align: center;">RM 380.00</td> </tr> </table>				RM 380.00
RM 380.00				
Tunai/ <del>No Cek</del> :-				
			<i>Ihsan</i> <i>pengurus</i>	

Dokumen 2

**BAUCER PEMBAYARAN**

Asal

**FOTOKOPI TRADING**

*B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 609-516 7676*

*Kepada*  
**CHEMPAKA INSURAN**

No Bucer : 01/ 07  
Tarikh : 07/06/2007

<i>Keterangan</i>	<i>Jumlah</i>
Bayaran polisi insuran kebakaran premis perniagaan untuk tempoh setahun.	1800.00
<i>(Ringgit: Satu Ribu Lapan Ratus Sahaja)</i>	1800.00

RM 1800.00

Tunai/ No Cek : KYB 336602

*Andy*  
*pengurus*

Dokumen 3

## INVOIS

Asal

**CHOWRASTA SDN BHD**

23, Campbell Street  
10100 Pulau Pinang  
Tel: 604-566 0077

*Kepada*

**FOTOKOPI TRADING**

B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang

*Invois No. :* N04337


*Tarikh :* 08/06/2007

<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Hg seunit</i>	<i>Jumlah</i>
3	Mesin fotostat Xrox II	5600.00	16800.00
2	Mesin Fotostat Xrox IV	8500.00	17000.00
2	Mesin Fotostat C20	7200.00	14400.00
			48200.00
	Tolak : Diskaun Niaga 30%		14460.00
			33740.00

*(Ringgit: Tiga puluh tiga ribu tujuh ratus empat puluh sahaja)*

*Chongkjenkiat*  
*pengurus*

Dokumen 4

**FOTOKOPI TRADING**

*B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 609-516 7676*

**MEMO**

Tarikh : 10/06/2007


Encik Hassan telah membeli sebuah Van untuk kegunaan  
perniagaan berharga RM25000 dengan wang pinjaman  
peribadi dari Bank Rakyat.

*Andy  
pengurus*

Dokumen 5

**BIL TUNAI**

Salinan

**FOTOKOPI TRADING**

*B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 609-516 7676*

*Kepada***CHILI MINI MART***KM10, Jalan Beserah**Kuantan**No : 0001**Tarikh : 12/06/2007*

<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Harga seunit</i>	<i>Jumlah</i>
1	Mesin Fotostat C20	7350.00	7350.00
<b>JUMLAH</b>			<b>7350.00</b>

*(Ringgit: Tujuh ribu tiga ratus lima puluh sahaja)*

RM7350.00
-----------


Tunai/ No Cek BBB231256:

*Andy  
pengurus*

Dokumen 6

## INVOIS

Salinan

**FOTOKOPI TRADING**

*B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 609-516 7676*

*Kepada*

**CHENDOR MAJU**

*69 Bandar Baru Chendor,  
25180 Kuantan, Pahang*

*Invois No. : 00001*

*Tarikh : 13/06/2007*

<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Hg seunit</i>	<i>Jumlah</i>
1	Mesin fotostat Xrox II	5800.00	5800.00
1	Mesin Fotostat Xrox IV	8700.00	8700.00
			14500.00
	Tolak : Diskaun Niaga 20%		2900.00
			11600.00

*(Ringgit: Sebelas ribu enam ratus Sahaja)*

*Andy  
pengurus*

Dokumen 7

**NOTA KREDIT**

Asal

**CHOWRASTA SDN BHD**

23, Campbell Street  
10100 Pulau Pinang  
Tel: 604-566 0077

Kepada

**FOTOKOPI TRADING**

B10, Jalan Gambut

25000 Kuantan, Pahang

No.N Kredit: NK 0370

Tarikh : 16/6/2007

Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut

<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Hg seunit</i>	<i>Jumlah</i>
1	Mesin Fotostat C20 ( Tiada dalam pesanan)	7200.00	7200.00
	Tolak: Diskaun Niaga 30%		2160.00
			5040.00


(Ringgit: Lima ribu empat puluh sahaja)

*ChongKienKiat*  
pengurus

Dokumen 8

## NOTA DEBIT

Salinan

**FOTOKOPI TRADING**

*B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 609-516 7676*

*Kepada***CHENDOR MAJU**

*69 Bandar Baru Chendor,  
25180 Kuantan, Pahang*

*ND : 081**Tarikh : 19/6/2007**Akaun tuan didebitkan seperti berikut :*


<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Harga seunit</i>	<i>Jumlah</i>
1	Mesin fotostat Xrox II	150.00	150.00
	( Harga terkurang caj di inouis 0001 )		
	Tolak : Diskaun Niaga 20%		30.00
			120.00

*(Ringgit: Satu Ratus Dua Puluh Sahaja )*

*Andy  
pengurus*

Dokumen 9



**FOTOKOPI TRADING**

*B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 609-516 7676*

**RESIT RASMI**

Salinan

*Tarikh : 22/06/2007*

*Diterima dari : CHENDOR MAJU*

*Ringgit : Sebelas ribu satu ratus tiga puluh empat shj*

*Kerana : Menjelaskan invoice (Diskaun RM586.00)*

**RM : 11134.00**

~~Tunai~~/ Cek No BMM 343434

*Andy  
pengurus*

Dokumen 10

**CHOWRASTA SDN BHD***23, Campbell Street**10100 Pulau Pinang**Tel: 604-566 0077***RESIT RASMI**


Asal

*Tarikh : 25/6/2007**Diterima dari : FOTOKOPI TRADING**Ringgit : Dua puluh lapan ribu tujuh ratus sahaja**Kerana : Menjelaskan kesemua hutang***RM : 28700.00**~~Tunai~~ / Cek No KYB 336603*ChongKienKiat*  
*pengurus*

Dokumen 11

## INVOIS

Asal

**MARZUKI ENTERPRISE**

69 Jalan kuantan,  
28000 Temerloh, Pahang

*Kepada*

**FOTOKOPI TRADING**

B10, Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang

*Invois No. :* 001002

*Tarikh :* 29/06/2007

<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Hg seunit</i>	<i>Jumlah</i>
1	Mesin fotostat Xrox II	5800.00	5800.00
	Tolak : Diskaun Niaga 20%		5800.00
			1160.00
			4640.00


*(Ringgit: Empat Ribu Enam Ratus Empat Puluh Sahaja)*

*Marzuki*  
*pengurus*

Dokumen 12

**KWONG YIK BANK BERHAD**

Cawangan Kuantan

*Tarikh* : 30/06/2007*Penerima* : **Encik Nazrul***Tujuan* : Bayaran gaji bulan Jun 2007

	RINGGIT	SEN
<i>Baki akhir</i>	5700	00
<i>Simpanan</i>	.-.	
<i>Jumlah</i>	5700	00
<i>Cek ini</i>	800	00
<i>Baki</i>	4900	00

336604

Dokumen 13

**KERTAS SOALAN TAMAT**